

28/07/2001

Malam amal Bakti kumpul RM2.95 juta

KUALA LUMPUR, Jumaat - Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) malam ini berjaya mengumpul RM2.95 juta bagi mengisi tabung pembinaan Pusat Komuniti di Bukit Kiara, dekat sini.

Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata pusat Komuniti Bakti itu akan menjadi pusat kaunseling bagi menangani masalah sosial yang dihadapi masyarakat.

"Pusat ini menjadi satu pusat perlindungan, bimbingan dan harapan kepada semua lapisan masyarakat supaya kegiatan amal pertubuhan ini dapat diperluaskan lagi," katanya berucap pada majlis malam amal Bakti 2001, Impian Murni Sentuhan Hati di sini, malam ini.

Turut hadir, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Majlis berkenaan bertujuan mengutip derma bagi membolehkan Bakti memiliki premis sendiri untuk meluaskan kegiatan kebajikan dan sosialnya.

Dr Siti Hasmah berkata, rakyat Malaysia bermurah hati terutama badan korporat walaupun ketika negara mengalami kelembapan ekonomi.

Katanya, usaha membantu golongan kurang bernasib baik selaras dasar kerajaan membantu rakyat yang masih ketinggalan dalam arus pembangunan dan kemajuan negara.

"Pelbagai dasar dan program bagi membantu golongan miskin dan termiskin dalam masyarakat dilaksanakan oleh kerajaan dari semasa ke semasa," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata, Bakti juga melalui kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sumbangan sektor swasta mewujudkan Kompleks Penyayang Bakti di Sungai Buloh, Jun lalu.

(END)